QURANICA, International Journal of Quranic Research,
Special Issue. 16, October 2026, pp. 1-37
© 2026 Centre of Quranic Research (CQR),
University of Malaya, Malaysia

METODOLOGI KARYA QAWĀʿID AL-TARANNUM DAN PENGARUHNYA DI MALAYSIA(*)

(The Methodology of Qawāʿid al-Tarannum and its Influence in Malaysia)

Khalid Isa[1], Sedek Ariffin[2], Ahmad Shafiq Mat Razali[3], Anwar Hafidzi[4]

ABSTRACT

This study analyses an influential work on tarannum in Malaysia, namely *Qawāʿid al-Tarannum* authored by Nik Jaafar Nik Ismail. The work has been widely received among Qur'anic practitioners, particularly reciters and scholars specialising in tarannum. Its distinction is evident not only in the engaging nature of its discussions, but also in the stature of its author, who is a renowned and experienced scholar in this field. The main objective of this study is to analyse the writing methodology applied in *Qawāʿid al-Tarannum*, to evaluate the extent of its influence and to examine the implications arising from that influence. This study adopts a qualitative approach through document analysis, literature review and semi-structured interviews with the author, tarannum teachers, qari and qariah Qur'anic reciters and selected academics. The findings indicate that the author's writing methodology possesses a distinctive style and is not influenced by other existing works. The study also finds that the work has

(*) This article was submitted on: 26/01/2026 and accepted for publication on: 26/10/2026.

[1] Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author)
Email: khalid_isa@um.edu.my

[2] Prof. Madya (Dr.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author)
Email: sedek2001@um.edu.my

[3] Pensyarah Jabatan Pendidikan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, Kajang Selangor, Malaysia.
Email: ahmadshafiq@uis.edu.my

[4] Prof. Madya (Dr.), Universitas Islam Negeri Antasari, Banjarmasin, Indonesia
Email: Anwar.hafidzi@uin-antasari.ac.id

exerted a strong influence on reciters, tarannum teachers and researchers or writers in the field of Qur'anic tarannum. In addition, the study identifies positive effects on the author himself as a result of the influence of this work. Therefore, this study asserts that *Qawāʿid al-Tarannum* is a highly significant scholarly work for the development of the discipline of Qur'anic tarannum in Malaysia. Accordingly, this work should be documented as an academic reference and preserved as a continuous source of inspiration for future generations.

Keywords: *Methodology, Qawāʿid al-Tarannum, Influence, Malaysia*

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis sebuah karya tarannum yang berpengaruh di Malaysia iaitu karya *Qawāʿid al-Tarannum* hasil penulisan Nik Jaafar Nik Ismail. Karya ini telah diterima meluas dalam kalangan ahli al-Quran khususnya kepada para pengamal dan pengkaji dalam bidang tarannum. Keistimewaan karya ini bukan sahaja terserlah melalui kandungan perbahasannya yang menarik, bahkan penulisnya merupakan seorang tokoh ilmuan yang masyhur dan berpengalaman dalam bidang ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis metodologi penulisan yang diaplikasikan dalam karya *Qawāʿid al-Tarannum,* menilai sejauh mana pengaruhnya dan implikasi yang terhasil daripada pengaruh tersebut. Kajian ini menggunakan metode kualitatif melalui analisis dokumen, sorotan literatur serta temu bual separa berstruktur bersama penulis karya, guru-guru tarannum, qari-qariah dan ahli akademik yang terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa metodologi penulisan yang diketengahkan oleh penulis mempunyai gaya yang tersendiri dan tidak terpengaruh dengan karya-karya lain. Kajian ini juga mendapati bahawa karya tersebut mempunyai pengaruh yang kuat terhadap qari-qariah, guru-guru tarannum, pengkaji atau penulis dalam bidang tarannum al-Quran. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti kesan positif terhadap penulisnya hasil daripada pengaruh karya tersebut. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* merupakan sebuah karya ilmiah yang sangat bermakna kepada perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Sehubungan itu, karya ini wajar didokumentasikan

sebagai rujukan ilmiah dan dijadikan sumber inspirasi yang berterusan kepada generasi akan datang.

Kata Kunci: *Metodologi, Qawāʿid al-Tarannum, Pengaruh, Malaysia*

1. PENDAHULUAN

Sesebuah karya ilmiah lazimnya memiliki kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri samada dari sudut kandungan, kerangka perbincangan mahupun pendekatan penulisannya. Kekuatan tersebut bukan sahaja mencerminkan tahap keilmuan dan kepakaran penulis, bahkan turut menentukan sejauh mana sesebuah karya itu diterima, dirujuk dan memberi kesan terhadap perkembangan sesuatu disiplin ilmu. Hal yang sama dapat diperhatikan dalam karya-karya yang dihasilkan dalam bidang ilmu tarannum al-Quran, di mana setiap penulis menampilkan pendekatan, metodologi serta gaya penghuraian yang berbeza-beza berdasarkan kepada keilmuan, pengalaman dan objektif penulisan masing-masing.

Dalam konteks perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia, terdapat sebuah karya yang amat masyhur dan mendapat perhatian meluas dalam kalangan pencinta ilmu tarannum iaitu karya *Qawāʿid al-Tarannum* hasil penulisan Nik Jaafar Nik Ismail[5]. Karya ini bukan sahaja menonjol dari aspek kandungan dan susunan perbincangannya yang tersusun, malah turut memperlihatkan pendekatan metodologi yang sistematik, jelas dan bersifat praktikal khususnya dalam menghuraikan prinsip-prinsip asas ilmu tarannum al-Quran. Kejelasan huraian serta ketepatan penyampaian menjadikan karya ini

[5] Beliau ialah Nik Jaafar bin Nik Ismail bin Nik Harun. Dilahirkan pada hari Jumaat 7 Mei tahun 1936 di kampung Kerasak dalam jajahan Pasir Mas, Kelantan (Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, 2018). Beliau seorang tokoh tarannum terkenal di Malaysia yang banyak memberi sumbangan samada dalam bentuk pengajaran, penghakiman tilawah atau penulisan. Beliau telah mendapat beberapa anugerah di atas pengorbanan dan jasa beliau iaitu diberi kurniaan pangkat Datuk Paduka oleh kerajaan Kelantan, Anugerah Perdana Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2018M/1440H disampaikan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) (Berita Harian, 2018). Beliau telah meninggal dunia pada usia 86 tahun pada pukul 5.30 petang di Pasir Mas, Kelantan.

mudah difahami dan diaplikasikan oleh pelbagai lapisan pembaca sama ada dalam kalangan ahli akademik mahupun pengamal tarannum.

Keistimewaan tersebut telah menyumbang kepada pengaruh yang besar terhadap penerimaan karya ini dalam masyarakat Islam di Malaysia. Pengaruh *Qawāʿid al-Tarannum* dapat dilihat melalui penggunaannya yang meluas dalam kalangan ahli akademik, guru-guru tarannum, qari-qariah, institusi pengajian al-Quran dan para penulis yang terlibat dalam penghasilan karya-karya ilmu tarannum seterusnya. Selain itu, karya ini juga mencatatkan tahap permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat, yang dapat dibuktikan melalui cetakan secara berterusan oleh syarikat percetakan Darul Fikir bermula pada tahun 1998 sehingga ke hari ini. Fakta ini secara tidak langsung menggambarkan tahap kepercayaan dan kebergantungan masyarakat terhadap karya tersebut sebagai rujukan utama dalam bidang tarannum al-Quran.

Karya *Qawāʿid al-Tarannum* turut diaplikasikan secara praktikal dalam sesi pengajaran, pembelajaran dan latihan bertarannum samada di peringkat awam, institusi persekolahan mahupun institusi pengajian tinggi. Pendekatan praktikal yang diketengahkan dalam karya ini menjadikannya relevan dan berfungsi sebagai panduan berterusan dalam membentuk kemahiran bacaan al-Quran secara bertarannum yang berlandaskan kaedah yang tepat dan tersusun.

Justeru, pengaruh yang signifikan ini membuktikan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* membentuk landskap perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia dan sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu karya rujukan utama dalam disiplin ilmu tersebut.

2. SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap karya tarannum al-Quran masih terhad dan jarang diberikan tumpuan khusus oleh para penulis dan pengkaji. Hasil penelitian menunjukkan bahawa sehingga kini belum terdapat penulisan ilmiah yang membincangkan secara khusus metodologi penulisan karya *Qawāʿid al-Tarannum* dan pengaruhnya di Malaysia. Kebanyakan kajian sedia ada hanya membincangkan aspek metodologi secara umum atau menumpukan kepada tokoh-tokoh tarannum lain tanpa memberi fokus khusus kepada karya tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian artikel yang dijalankan oleh (Nurul Auji Hasbullah et al., 2022) yang meneliti karya *Qawāʿid al-Tarannum*.

Namun, kajian tersebut memfokuskan kepada analisis perbandingan dengan meneliti unsur-unsur dan sifat-sifat indeks *maqām*[6] tarannum melalui perbandingan antara *Qawāʿid al-Tarannum* dan karya Seni Lagu al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya beberapa perbezaan dalam mentafsir unsur dan sifat bagi setiap *maqām* tarannum. Justeru, kajian tersebut tidak membincangkan aspek metodologi penulisan dan pengaruh karya *Qawāʿid al-Tarannum,* sekali gus menjadi keperluan terhadap kajian yang lebih khusus dan mendalam dalam aspek tersebut.

Terdapat dua kajian yang dilakukan oleh Mohamad Alwi Ab Rahman (2020), berkenaan mengenai metodologi tokoh tarannum di Malaysia, di samping terdapat satu kajian yang membincangkan metodologi Nik Jaafar Nik Ismail dalam pengajaran tarannum al-Quran secara khusus. Kajian ini menekankan kepada kaedah Nik Jaafar dalam pengajaran tarannum kepada para pelajar untuk mengorak langkah menjadi qari pada masa hadapan dengan menitik berat irama tarannum dengan pemahaman ayat-ayat al-Quran. Kemudian, terdapat satu lagi kajian mengenai metodologi Dato' Ismail Hashim dalam pengajaran tarannum al-Quran. Hasil kajian ini merumuskan bahawa metodologi beliau menekankan kepada pelajar cara untuk mengolah irama tarannum berbentuk kearaban (Mohamad Alwi Ab Rahman et.al, 2021). Seterusnya, terdapat satu kajian yang membincangkan mengenai metodologi bacaan al-Quran menurut Sheikh Ahmad Nuʻainaʻ daripada petikan Surah al-Syuʻarā'. Hasil kajian mendapati bahawa gaya bacaan Sheikh Nuʻainaʻ adalah unik dan tersendiri, malah dianggap sebagai kesinambungan kepada aliran Sheikh Muṣṭafā Ismāʿīl (Pranon Mustafa dan Anuar Hasin, 2024). Kemudian, kajian terhadap seorang qari mesir iaitu Rāghib Muṣṭafā Ghalwash. Dapatan kajian ini menunjukan bahawa beliau telah berjaya melahirkan *ṭarīq*[7] beliau

---

6 *Maqām* dalam konteks ilmu tarannum al-Quran merujuk kepada suatu sistem melodi yang berasaskan susunan dan hubungan antara nada tertentu dan mempunyai ciri-ciri musikal yang tersendiri. Sistem ini menjadi kerangka asas kepada pembentukan dan pengolahan alunan tarannum oleh qari dan qariah dalam memperindah bacaan al-Quran dengan mengekalkan ketepatan hukum tajwid, *makhraj al-huruf* dan sifat-sifat huruf.

7 *Ṭarīq* merujuk kepada pendekatan atau corak pengolahan lagu tertentu yang digunakan oleh seseorang qari dalam mempersembahkan sesuatu tarannum berdasarkan susunan harakat, pergerakan nada, teknik alunan dan gaya penyampaian yang tersendiri.

sendiri yang dikenali dengan *ṭarīq Ghalwash* (Muhammad Lukman Ibrahim, 2020).

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang membincangkan tokoh tarannum di Malaysia seperti kajian yang dilakukan oleh Anuar bin Hasin (2025) yang membincangkan sumbangan Wan Ainuddin Hilmi Abdullah dalam bidang ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang qari dan tokoh yang telah mengharumkan nama Malaysia dan banyak menyumbangkan ilmu di dalam pendidikan al-Quran dan tarannum.

Namun, berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan bahawa ketiadaan kajian atau penyelidikan mengenai tajuk yang dilakukan oleh pengkaji.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui kaedah analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Fokus utama adalah tertumpu kepada analisis kandungan karya *Qawāʿid al-Tarannum*. Ini bertujuan untuk meneliti metodologi dan pendekatan penulisan yang telah digarap oleh pengarang dalam karya beliau. Kemudian, kajian ini turut melibatkan temu bual separa berstruktur dengan beberapa informan yang telah terpilih, guru-guru tarannum, qari dan qariah yang pernah menggunakan karya ini sebagai bahan rujukan dan termasuk juga dalam kalangan ahli akademik. Kepelbagaian latar belakang informan ini membolehkan data yang diperoleh dapat diperkukuhkan melalui perbezaan pandangan daripada pelbagai sudut. Bagi memperkukuh data, pengkaji juga turut memperoleh pengakuan secara langsung daripada tokoh sendiri sewaktu beliau masih hidup melalui sesi temu bual secara langsung. Tujuan temu bual ini juga untuk mendapatkan pandangan tentang sejauh mana karya ini digunakan secara praktikal, keberkesanan kandungan dalam proses latihan dan pandangan umum terhadap metodologi yang diperkenalkan. Kemudian, kajian ini juga dilakukan berasaskan metode observasi untuk melihat sejauh mana karya ini berpengaruh samada dalam bentuk teori atau praktikal. Akhir sekali, keseluruhan data yang dikumpulkan dianalisis secara tuntas bagi mengenal pasti dapatan kajian yang berkaitan dengan pengaruh karya tersebut.

4. HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Metodologi Penulisan Karya Qawāʿid al-Tarannum

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan metodologi penulisan yang diaplikasikan oleh Nik Jaafar dalam karya beliau telah memberikan pengaruh yang kuat terhadap perkembangan ilmu tarannum di Malaysia, khususnya melalui aspek-aspek berikut:

4.1.1 Pemilihan Nama Karya

Pemilihan tajuk atau judul karya merupakan suatu perkara yang penting dan sentiasa dititikberatkan oleh penulis sebelum menghasilkan sesebuah karya penulisan agar menjadi daya tarikan. Judul karya *"Qawāʿid al-Tarannum"* telah dinyatakan dengan jelas oleh Nik Jaafar dalam pengenalan karyanya seperti berikut: *"Buku ini dinamakan Buku Qawāʿid al-Tarannum bi al-Qurʾān kerana ianya sengaja diisi dengan beberapa penekanan kepada kaedah melagukan bacaan al-Quran."*

4.1.2 Sebab Penulisan

Karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah ditulis dengan tulisan jawi bermula daripada awal sehingga akhirnya. Sebab atau motif penulisan karya ini telah dinyatakan oleh pengarang pada halaman pengenalan, iaitu: *"Supaya pendekatan lagu-lagu (tarannum) bacaan al-Quran itu tidak bercanggah dengan sunnah SAW. Selain itu, dengan wujudnya karya ini adalah diharapkan bahawa penyelewengan bacaan al-Quran dimasa kini dapat dikurangkan dan mutu bacaan al-Quran dapat dipertingkatkan mengikut kurikulum bacaan yang boleh diperakukan". Selain itu, ia juga untuk memantapkan kefahaman kepada para pelajar, para guru dan para hakim disemua peringkat".*

4.1.3 Tarikh Penulisan

Tercatat di dalam halaman penutup karya ini, bahawa telah selesai ditulis oleh pengarang pada pagi Jumaat 22 Ogos 1997 bersamaan 18 Rabiul al-Akhir 1418H. Pada pemerhatian pengkaji, karya ini tidak dicetak oleh mana-mana

syarikat atau perpustakan buku yang lain kecuali syarikat buku Darul Fikir sahaja. Karya ini telah dicetak beberapa kali kerana terlalu laris di pasaran bermula pada tahun 1998 hingga 2025.

Jadual 1.0
Cetakan Karya Qawāʿid al-Tarannum

Bil.	Cetakan	Tahun
1.	Pertama	1998
2.	kedua	2004
3.	Ketiga	2009
4.	Keempat	2011
5.	Kelima	2012
6.	Keenam	2014
7.	Ketujuh	2016
8.	Kelapan	2019

4.1.4 Kandungan Umum Karya

Karya ini mempunyai 177 halaman yang bercetak yang dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Brigedier Jeneral Dato' Abdul Hamid bin Hj. Zainal Abidin (pengerusi Jemaah Hakim Majlis Tilawah al-Quran 1997) dan Hj. Wan Bakar bin Hj. Wan Dagang (Setiausahaha Agong Persatuan Qurra' Malaysia 1997). Kemudian disusuli dengan biodata ringkas pengarang, isi kandungan, pengenalan karya oleh pengarang, pendahuluan, kurikulum bacaan al-Quran dan huraiannya, sumber rujukan karya, penutup dengan doa dan akhir sekali pengawasan hak cipta terpelihara oleh pengarang. Karya ini boleh dikategorikan sebagai karya yang terbaik pada masa kini kerana ia mempunyai ciri-ciri seperti bahasa yang mudah difahami, susunan yang teratur, huraian yang sederhana dan sesuai kepada semua lapisan masyarakat.

4.1.5 Format Penulisan Karya Yang Sistematik

Pada pemerhatian penulis, karya *Qawāʿid al-Tarannum* mempunyai gaya penulisan yang sitemetik dan teratur yang digunakan oleh pengarang. Pengarang mengatakan dalam mukaddimahnya seperti berikut: *"Karya Qawāʿid al-Tarannum bi al-Qurʾān ini dapat disiapkan susunannya mengikut pendekatan*

terbaru demi untuk memberi kepuasan kepada sesiapa yang membacanya". Melalui karya ini, penulis dapat merumuskan bahawa disiplin penulisan yang diaplikasikan oleh pengarang adalah seperti berikut:

4.1.5.1 Pendahuluan

Memulakan karyanya dengan mukaddimah seperti perkara-perkara berikut:

a) Pengarang memulakan karyanya dengan lafaz yang mulia *Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm* dan diikuti dengan kalimah pujian dan syukur, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi SAW, ahli keluarga serta para sahabatnya.
b) Seterusnya pengarang menyebut tentang tujuan karya ini diterbitkan adalah untuk memperkenalkan korikulum bacaan yang sempurna mengikut sunnah Rasulullah SAW.
c) Pengarang mengemukakan analisis kefahaman masyarakat tentang tahap ketartilan bacaan al-Quran.

4.1.5.2 Isi Perbahasan Karya

Isi perbincangan karya ini secara umum boleh diklasifikasikan kepada empat perkara iaitu pengarang mengemukakan perbincangan secara umum mengenai empat kurikulum utama iaitu *taḥsīn al-ṣawt*[8], tajwid, tarannum dan *tartīl*[9], membincangkan sifat-sifat bacaan Rasulullah SAW dan hukum melagukan bacaan al-Quran. Kemudian pengarang menghuraikan satu persatu berkenaan empat kurikulum tersebut, seterusnya akhir sekali pengarang memuatkan perbincangan mengenai tadarus al-Quran, adab membaca al-Quran dan adab dengan guru.

Pada bahagian pertama *taḥsīn al-ṣawt* pengarang menghuraikan topik-topik seperti alat proses suara, pengenalan dan kepentingan suara, pembelajaran tentang suara, seni suara untuk al-Quran, menilai seni suara, mengelokkan suara,

---

8 *Taḥsīn al-ṣawt* ialah usaha memperindah dan meningkatkan mutu suara dalam bacaan al-Quran melalui pengawalan dan pengolahan suara yang baik tanpa menjejaskan ketepatan hukum tajwid.

9 *Tartīl* ialah kaedah membaca al-Quran dengan tenang, jelas dan teratur serta memelihara ketepatan makhraj huruf, sifat huruf, hukum tajwid dan tempat waqaf serta *ibtida'* bagi menghasilkan bacaan yang sempurna.

mengenal sifat suara, teknik men*taḥsīn*kan suara, mengenal *ṭabaqāt*[10] suara, proses kemanisan suara, pengenalan suara dengan *lahjah* Arab, peranan suara, peranan *burdah*[11] dan jenisnya, pengenalan kepada *ikhtilāl al-Lahn*[12], penjagaan kualiti suara, memahami cara melatih suara, latihan memanjangkan nafas dan sistem mengendurkan urat. Pada bahagian kedua pula, pengarang menghuraikan secara terperinci tentang tajwid al-Quran dalam bertarannum bermula dengan makhraj huruf, sifat-sifat huruf, membaca *isti'adhah* dan *basmallah* seterusnya bagaimana menyempurnakan semua hukum tajwid dalam tarannum al-Quran. Seterusnya, pengarang menghuraikan kurikulum ketiga iaitu tarannum dengan memuatkan ilmu-ilmu tarannum seperti ciri-ciri tarannum yang muktabar, tarannum dan budaya, sejarah tarannum, pemodenan tarannum arab, sejarah *tarannum bi al-Qurʾān* secara umum dan di Nusantara, pengembangan dan pengawalan bacaan al-Quran, pembahagian ilmu tarannum, perubahan teknik tarannum, asas, pengenalan, sifat-sifat dan sejarah lagu-lagu dalam tarannum seperti *ḥijāz, bayyāti, husaynī, kurdī, ṣobā, ʿiraqī, nahāwand, rast, sīkāh, jihārkah, ʿajamiy* dan sebagainya. Hal ini termasuklah huraian tentang teknik dan penyusunan harakat serta teknik dan jenis-jenis persembahan. Pada bahagian terakhir dalam karya ini, pengarang menghuraikan tentang kurikulum *tartīl* merangkumi pengenalan dan nama bagi *tartīl* serta kurikulumnya, syarat mentartilkan bacaan, perbezaan tajwid dan *tartīl,* pembahagian *Faṣāḥah*[13] secara umum, memilih rentak bacaan al-Quran, jenis-jenis kesalahan berat dan ringan. Di bahagian terakhir bab ini pengarang turut menekankan tentang tadarus al-Quran merangkumi pengertian dan sistem tadarus al-Quran, adab-adab ketika membaca al-Quran dan adab menghormati al-Quran dan gurunya.

---

10 *Ṭabaqāt* ialah tingkatan suara yang digunakan oleh seseorang qari atau qariah ketika membaca al-Quran secara berlagu seperti suara rendah, sederhana, tinggi hingga sangat tinggi.

11 *Burdah* ialah bunga, getaran atau lenggok suara yang digunakan oleh qari atau qariah sebagai hiasan untuk memperindah alunan bacaan al-Quran tanpa menjejaskan hukum tajwid.

12 *Ikhtilāl al-Lahn* ialah teknik menghasilkan kesumbangan nada secara sengaja dan terkawal oleh qari atau qariah bagi mewujudkan variasi serta menambahkan keindahan dan daya tarikan alunan tarannum dalam bacaan al-Quran.

13 *Faṣāḥah* ialah keupayaan seseorang qari atau qariah membaca al-Quran dengan lancar, jelas dan tepat dari segi sebutan huruf, baris dan susunan kalimah mengikut kaedah bacaan yang betul.

4.1.5.3 Bahagian Penutup

Nik Jaafar menutup perbincangan dalam karya beliau dengan memanjat kesyukuran kepada Allah kerana telah menyelesaikan penulisan karya ini. Beliau berharap agar penulisan karya ini memberi faedah dan manfaat kepada lapisan masyarakat dan agar diberi ganjaran oleh Allah S.W.T. Akhir sekali, beliau memohon ampun kepada Allah S.W.T jika ada salah dan silap dalam penulisannya.

4.1.6 Pendekatan Penulisan Qawāʿid al-Tarannum

Pendekatan penulisan dalam karya ini lebih menjurus idea yang lahir daripada pengarang sendiri dan tidak terpengaruh mana-mana karya lain. Sepertimana yang disebut oleh pengarang. *"Gaya bahasa dan susunan (teknikal) karya ini adalah cara bersendirian".* Namun, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah atau pendekatan yang tersendiri yang digunakan oleh Nik Jaafar adalah seperti berikut:

a) Persembahan Secara Bertajuk

Persembahan *Qawāʿid al-Tarannum* menjadi menarik kerana pengarang mengemukan secara bertajuk atau bertopik. Kemudian pengarang membuat tajuk-tajuk kecil di bawah topik umum diikuti dengan huraian agar ia lebih tersusun dan sistemetik. Perkara inilah merupakan salah satu keistimewaan yang menjadi daya tarikan utama kepada para pembaca. Hal ini nampak lebih jelas apabila pembaca merujuk kepada isi kandungan dalam karya beliau yang terdiri daripada 10 halaman.

b) Gaya Huraian

Huraian yang dilakukan oleh pengarang tidak terikat dengan mana-mana penulis yang lain. Jika diteliti, pengarang menghuraikan dengan mengemukakan definisi pada tajuk-tajuk yang kesamaran maksudnya, mengemukakan setiap tajuk dengan pengenalan dan diakhiri dengan penutup oleh kata-kata pengarang, huraian secara ringkas dan padat. Ini jelas jika dibaca bermula dari awal sampai akhir halaman, karya ini mempunyai huraian yang jelas dengan penomboran, lengkap, dan bahasa yang mudah difahami. Cara ini banyak diaplikasikan oleh pengarang, boleh dikatakan pada setiap bab perbincangan. Pengarang turut

menggunakan bentuk huraian dengan mendatangkan bentuk gambar rajah dan bentuk jadual supaya mudah dilihat dan difahami, dan membuat kesimpulan selepas huraian.

c) Penggunaan Ayat al-Quran

Sememangnya penulisan karya-karya bergenre Islamik tidak dapat dipisahkan dengan ayat-ayat al-Quran kerana ia merupakan sumber utama dalam Islam. Melalui penelitian yang dijalankan, Nik Jaafar banyak berdalilkan al-Quran terutama dalam bab atau kurikulum kedua iaitu tajwid. Malahan, penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai dalil menjadi hujah dominan dalam karya ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas apabila beliau telah mendatangkan ayat al-Quran berserta dengan terjemahannya ketika berhujah seperti dalam kurikulum kedua tentang tajwid dan kurikulum keempat iaitu perbincangan mengenai *tartīl*.

Jadual 2.0

Senarai ayat al-Quran dalam karya Qawāʿid al-Tarannum

Bil	Ayat al-Quran	Muka Surat
1.	Al-Baqarah: 121	13
2.	Al-Muzzammil: 4	22
3.	Al-Nūr: 31	43
4.	Yā Sīn: 1-2, al-Qalam: 1-2	69
5.	Al-Kahf: 1, al-Qiyāmah: 27, al-Muṭaffifīn: 14,	84
6.	Al-Hāqqah: 28-29, Yūsuf: 11	85
7.	Hūd: 41, Fuṣṣilat: 44, al-Hujurāt: 11,	86
8.	Al-Baqarah: 245, al-ʻArāf: 69, al-Tur: 37, al-Ghāshiyah: 22	87
9.	Al-Kahfī: 37, al-Ahzāb: 10, 66 & 67, al-Dahr: 15	88
10.	Al-Dahr: 4, al-Naml: 32	89
11.	Hūd: 68, al-Furqān: 38, al-ʻAnkabūt: 38, al-Najm: 51	90
12.	Al-Baqarah: 80, Maryam: 78, Saba': 8, al-Ṣāfāt: 153, Ṣād: 63 & 75, al-Munāfiqun: 6	93
13.	Al-Naml: 34, al-Furqān: 29, al-Ṣāfāt: 138	94
14.	al-Anʻām 32, ʻAli-ʻImrān: 32, 181, al-Nisā': 171, Yāsīn: 76, al-Qamar: 6	95

15.	Al-Baqarah: 148, Ali ʻImrān: 95, al-Mā'idah: 48 & 116, Yūsuf: 158.	96
16.	Ar-Raʿd: 18, al-Sajadah: 18, al-Nāziʿāt: 23, al-Qadr: 3, al-Baqarah: 6	97
17.	Al-Mā'idah: 59	98
18.	Al-Baqarah: 220	99
19.	Al-Ahqāf: 10, al-Nisā':43	101
20.	Al-Baqarah: 13, 23 & 285	102
21.	Al-Baqarah: 116 & 286, al-Mā'idah: 18	103
22.	Al-Baqarah: 121, 146 & 275, al-Anʿām: 20, at-Tawbah: 20, Ghāfir: 7, al-Furqān: 40	105
23.	Al-Aʿraf: 44, 114, al-Shuʿarā': 42, al-Ṣāfāt: 18	106
24.	Al-Baqarah: 81, 112, Ali ʻImrān: 76, 125, al-ʻAraf: 172, an-Nahl: 28, Yāsīn: 81, Ghāfir: 50, al-Ahqaf: 33, al-Inshiqāq: 15.	107
25.	Maryam: 78, 79, 82, al-Mukminūn: 100, Ṣaba': 27, al-Maʿārij: 15	108
26.	Al-Maʿārij: 39, al-Muddassir: 53, al-Muṭaffifīn:14, al-Fajr: 17, al-Humazah: 4.	109
27.	Al-Hajj: 30, 32, 60, Muhammad: 4, al-Kahfi: 91, as-Shuʿarā': 59, Fāṭir: 28, al-Dukhan: 28.	110
28.	Ṣād: 55 & 57, Yā Sīn: 52	111
29.	Al-Aʿrāf: 204	167

d) Penggunaan Hadis-Hadis

Manhaj atau metode yang terbaik dalam penulisan buku agama adalah dengan berdalil atau berhujah dengan hadis-hadis Nabi SAW. Dapat diperhatikan pengarang banyak memuatkan hadis-hadis Nabi sebagai sumber pendalilan. Jika diselidiki, beliau telah mengemukakan hadis-hadis beserta dengan terjemahan dan juga periwayat-periwayatnya untuk mengukuhkan lagi hujah-hujahnya. Pengarang juga telah menghuraikan kandungan dengan menganalisa semua hadis-hadis Nabi SAW yang telah dikemukakannya. Secara keseluruhannya, hadis-hadis yang dimuatkan dalam karya ini sebanyak 32 hadis Nabi SAW yang menjadi sandaran dalam penghuraian dan penjelasan berkaitan dengan topik-topik di dalamnya. Antara contoh-contoh hadis yang dimuatkan ialah:

Jadual 3.0

Senarai Hadis dalam karya Qawāʿid al-Tarannum

Bil	Hadis	Muka Surat
1.	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: مَا أَذِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَذِنَ لِنَبِيٍّ حَسَنِ الصَّوْتِ يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ	9
2.	عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا أَبَا مُوسَى، لَقَدْ أُعْطِيتَ مِزْمَارًا مِنْ مَزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ	11
3.	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عنه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: لِلَّهِ أَشَدُّ أَذَنًا إِلَى الرَّجُلِ الْحَسَنِ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ مِنْ صَاحِبَةِ الْقَيْنَةِ إِلَى قَيْنَتِهَا	12
4.	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عنه أَنَّهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَغَنَّ بِالْقُرْآنِ	15
5.	عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ شِبْلٍ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ وَغَنُّوهُ، وَافْشُوهُ، وَتَدَبَّرُوا فِيهِ	17
6.	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: مَا أَذِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَذِنَ لِنَبِيٍّ حَسَنِ الصَّوْتِ يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ	18
7.	عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عنهما قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: تَعَلَّمُوا كِتَابَ اللَّهِ وَتَعَاهَدُوهُ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَهُوَ أَشَدُّ تَفَصِّيًا مِنَ الْإِبِلِ فِي عُقُلِهَا	21
8.	عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مُغَفَّلٍ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقْرَأُ وَهُوَ عَلَى نَاقَتِهِ، أَوْ قَالَ: عَلَى بَعِيرِهِ، وَهِيَ تَسِيرُ بِهِ	24
9.	عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عنها قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِالطُّورِ	26
10.	عَنْ بَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقْرَأُ فِي الْعِشَاءِ بِالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ	26

e) Penggunaan Dalil Aqli

Penggunaan dalil *'aqlī* dalam penulisan juga merupakan salah satu kaedah yang diaplikasikan oleh pengarang. Namum penggunaan *aqlī* sebagai dalil tidak banyak diaplikasikan berbanding dengan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Pengkaji telah meneliti bahawa hanya terdapat lima dalil *aqlī* dalam karya tersebut iaitu dalam tajuk perbincangan mengenai *khilaf* ulama tentang melagukan bacaan al-Quran.

Jadual 4.0

Senarai Dalil Aqlī 'Dalam Karya Qawāʿid al-Tarannum

Bil	Dalil *Aqlī*	Muka Surat
1.	Pandangan bahawa melagukan al-Quran boleh menarik minat masyarakat kepada mendengar memerhatikan sebahagian dari keindahan mukjizat al-Quran.	34
2.	Lagu bacaan al-Quran itu adalah salah satu daripada ciri-ciri alat penyampaian al-Quran dan pengajaran kepada masyarakat.	34
3.	Lagu bacaan al-Quran itu mempunyai seni daya tarikan ke arah keinsafan, kesedaran dan kekhusyukan terhadap Allah SWT.	34
4.	Bahawa Rasulullah SAW sendiri pernah meminta Ibn Mas'ud membaca al-Quran untuk didengarinya. Tokoh qari tersebut membaca surah an-Nisa' dengan kemerduan seluruhnya di samping tarannum yang menarik. Tiba-tiba sahaja Rasulullah SAW menangis berlinang air matanya.	34
5.	Bahawa keislaman Jabir bin Maṭʿam adalah kesan dari pendengar bacaan al-Quran surah al-Ṭūr oleh Rasulullah SAW.	34-35

f) Memperkenalkan Bentuk Kurikulum

Bentuk kurikulum bacaan al-Quran sebenarnya diambil daripada kitab-kitab hadis Nabi SAW yang terbahagi kepada empat kurikulum iaitu kurikulum *Taḥsīn al-Qurʾān*, kurikulum tajwid, kurikulum tarannum dan kurikulum Tartil. Empat kurikulum ini mestilah diterima dan dipatuhi oleh setiap muslim terutama qari dan qariah. Kurikulum ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 5.0

Kurikulum Karya Qawāʿid al-Tarannum

Kurikulum	Muka Surat
Taḥsīn al-Qurʾān	48-59
Tajwid	61-111

Tarannum	112-152
Tartīl	154-169

g) Penggunan *Tanbih* (Perhatian)

Kebanyakan pengarang menggunakan perkataan *tanbih* (perhatian) pada menjelaskan hadis Nabi SAW yang diutarakan dalam karya ini. Penggunaan *tanbih* dalam karya ini juga bertumpu kepada beberapa topik seperti empat kurikulum dalam ilmu bacaan al-Quran, sifat huruf, ikhtilaf para ulama tentang wanita membaca al-Quran, bagaimana anda menyempurnakan bunyi sifat-sifat huruf, bagaimana anda memilih jenis *ibtidā'* yang dikehendaki, memahami kehebatan dan kecanggihan harakat dan pengenalan tarannum. Penggunaan *tanbih* ini dapat difahami sebagai penekanan terhadap sesuatu topik yang dibincangkan oleh pengarang disamping memasukkan info tambahan untuk perhatian pembaca.

h) Bentuk Soal Jawab

Pengarang telah menggunakan pendekatan soal jawab dalam menghuraikan topik-topik yang ada dalam karya ini. Hal ini dapat dilihat dalam huraian kurikulum kedua (Tajwid) dan kurikulum ketiga (tarannum).

i) Pendirian Terhadap Ilmu Tarannum

Pendirian beliau terhadap ilmu tarannum dapat dikenalpasti apabila pengarang mengemukakan kategori tambahan terhadap hukum melagukan al-Quran. Beliau berpendapat bahawa hukum melagukan al-Quran adalah fardhu kifayah sekiranya ia boleh mengurangkan kesalahan bacaan, menambahkan keelokan al-Quran, menghilangkan keraguan terhadap al-Quran, memantapkan kefahaman terhadap al-Quran, dan sebagainya. Begitu juga dalam soal hukum wanita melagukan al-Quran, beliau berpendirian bahawa suara wanita boleh digunakan untuk melagukan al-Quran, namun perlu diawasi supaya tidak terjatuh dalam fitnah. Hal ini didapati setelah pengarang membuat analisis terhadap pandangan-pandangan ulama. Dalam pada itu, pengarang berpendirian bahawa ilmu tarannum ialah ilmu daripada Rasulullah SAW. Hal ini dapat dikenal pasti apabila pengarang mengemukakan hujah-hujah daripada hadis-hadis Nabi SAW.

j) Sumber Rujukan

Menurut Sabri Mohamad (2022), salah satu cara untuk menghasilkan penulisan yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi ialah disokong kuat oleh rujukan-rujukan yang berkualiti. Hal ini juga turut disokong oleh Faisal Ahmad Shah (2013) bahawa, kualiti sesebuah karya penulisan bukan sahaja dinilai kepada inti pati dan kandungannya tetapi juga daripada rujukan yang digunakan. Rujukan sumber-sumber yang berautoriti akan meningkatkan merit sesebuah karya penulisan di samping meningkatkan keyakinan pembaca kepada karya tersebut. Jika diteliti pada bibliografi karya ini, pengarang telah merujuk dengan rujukan pelbagai bidang dan ia boleh diklasifikasikan seperti berikut:

(a) Sumber Lisan dan Nota-Nota
Sumber lisan ialah maklumat-maklumat yang dinukilkan oleh pengarang daripada guru-gurunya seperti Hj. Muhammad Yusof Kedondong, Hj. Che Musa Mahmud dan Hj. Ahmad Mat Som Pergau.

(b) Bacaan-bacaan Qari Muktabar
Kemudian rujukan tambahan beliau ialah melalui bacaan-bacaan qari muktabar seperti Sheikh Muṣṭafā Ismāʿīl, Sheikh Ṭāhā al-Fashnī, Sheikh Dr. Ahmad Nuʿaina', Sheikh ʿAbd al-Bāsiṭ, Sheikh Ṣiddīq al-Minshāwī, Sheikh Kāmil Yūsuf al-Bahtīmī, Sheikh Abū al-ʿAynayn Shaʿsha, Sheikh ʿAbd al-Fattāḥ al-Shaʿshaʿī dan Sheikh Muḥammad Rifʿat.

(c) Kitab-Kitab Tafsir
Dalam membahaskan berkaitan dengan tarannum al-Quran, pengarang telah merujuk empat buah kitab tafsir utama iaitu Tafsir Āyāt al-Aḥkām oleh Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī, Tafsīr Ibn Kathīr oleh Abū al-Fidāʾ Ismāʿīl Ibn Kathīr, al-Asās fī al-Tafsīr oleh Saʿīd Ḥawwā dan Pengajian dan Tafsir al-Quran oleh Hj. Ismail Awang.

(d) Kitab-kitab Hadis
Terdapat lapan buah kitab hadis yang dirujuk iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Jami' al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Musnad Imam Ahmad dan Fatḥ al-Bārī yang merupakan kitab syarah kepada Sahih al-Bukhari.

(e) Kitab-Kitab Tajwid
Jika diteliti, pengarang telah merujuk kitab-kitab tajwid untuk dimuatkan dalam tajuk kurikulum kedua iaitu tajwid dari halaman 61 hingga 111.

Pengkaji dapati tujuh buah kitab tajwid yang menjadi rujukan utama iaitu kitab Ḥaqq al-Tilāwah oleh Sheikh Husni Othman, *Qawāʿid al-Tilāwah* oleh Sheikh Kamāl al-Dīn al-Tā'ī, Ghayah al-Murīd oleh Sheikh ʿAthiyah Qabil, Nihayah al-Qawl al-Mufīd oleh Sheikh Muḥammad Makkī Nasir al-Juraysī, Sirāj al-Qārī oleh Sheikh Muhammad Salih Fatoni, Manār al-Huda oleh Sheikh Aḥmad bin Muḥammad ʿAbd al-Karīm dan Ma'alim al-ʿIhtidā' Sheikh Maḥmud Khalīl al-Ḥuṣarī.

(f) Kitab-Kitab Qira'āt

Hanya terdapat satu buah kitab kategori ini yang menjadi rujukan pengarang iaitu kitab Irshād al-Murīd ilā Maqṣūd al-Qāṣid fī al-Qirāʾāt al-Sabʿ.

(g) Kitab-Kitab Feqah

Isu-isu fekah dibahaskan oleh pengarang banyak tertumpu kepada perbincangan di bawah tajuk hukum melagukan bacaan al-Quran. Pengkaji dapati terdapat tiga buah kitab iaitu *Sharḥ al-Muhadhdhab* oleh Imam al-Nawawi, al-Madhāhib al-Arbaʿah oleh ʿAbd al-Raḥmān al-Jazīrī dan al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh oleh Dr. Wahbah al-Zuḥaylī.

(h) Ulum al-Quran

Terdapat dua buah karya rujukan dalam kategori ini iaitu kitab *fī Riḥāb al-Qurʾān* oleh Dr. Muhammad Salim Muhaisin dan Karya Panduan Kemahiran Membaca al-Quran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Kitab Tarannum

Hanya terdapat satu kitab iaitu *al-Taghannī bi al-Qurʾān* oleh Labib Saʿid.

5. ANALISIS PENGARUH KARYA *QAWĀʿID AL-TARANNUM* DI MALAYSIA

Setelah dikaji, kewujudan karya ini sebenarnya telah memberi sumbangan yang amat besar dan amat bermakna kepada masyarakat Islam di Malaysia khususnya. Menurut Dr. Muhammad Lukman Ibrahim (temu bual, 8 Disember 2025), kewujudan karya *Qawāʿid al-Tarannum* ini bagaikan satu rahmat dan sepatutnya masyarakat Islam Malaysia bersyukur kerana sebelum adanya karya ini, para pencinta-pencinta atau pengkaji-pengkaji ilmu tarannum tidak ada karya-karya rujukan utama, dan hanya memperolehi bahan dengan kaedah mempelajari daripada guru yang merngajar tarannum secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Dengan

lahirnya karya ini ternyata ia mempunyai pengaruh yang tersendiri kepada penulisan ilmu tarannum al-Quran.

5.1 Pengaruh Kepada Penulisan Karya-Karya Tarannum

Menurut Dr. Anuar Hasin (temu bual, 13 April 2026), karya *Qawāʿid al-Tarannum* merupakan sebuah karya yang menjadikan bahan rujukan utama dalam disiplin ilmu tarannum al-Quran dan menjadi pilihan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini ditambah pula dengan kedudukan karya ini sebagai salah satu sebuah karya terawal yang telah dihasilkan oleh seorang tokoh Melayu di Malaysia. Jika diteliti, para penulis dalam bidang tarannum, mereka telah menjadikan karya *Qawāʿid al-Tarannum* ini sebagai rujukan utama dalam penulisan mereka. Menurut Dr. Wan Hilmi Wan Abdullah (temu bual, 1 Januari 2026), kekurangan penulisan dan kajian dalam bidang tarannum al-Quran disebabkan oleh keterbatasan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan penulis dan pengkaji bidang ini. Oleh itu, kebanyakan karya berkaitan tarannum al-Quran dihasilkan oleh individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut.

Setakat ini, pengkaji dapat mengenalpasti lapan buah karya yang telah dipengaruhi oleh karya *Qawāʿid al-Tarannum* dalam penulisan mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan meneliti kepada karya-karya yang dihasilkan oleh para pengarang dalam bidang ini. Jika diteliti dan diamati karya-karya tersebut, amat jelas karya-karya tersebut terpengaruh dengan nukilan-nukilannya, gaya menyusun tajuk, perbahasan isi-isi penting terutama dalam memahami peranan ilmu tarannum dan mengenai ciri-ciri tarannum yang muktabar. Selain itu, pembuktiannya juga boleh dirujuk kepada bibliografi karya-karya tersebut menerusi jadual di bawah:

Jadual 6.0
Senarai Penulisan Karya-Karya Tarannum

Bil.	Judul/Penulis	Terbitan/Tahun
1.	*Ekspresi Bertarannum Dengan Gaya Kearaban Dan Lahjah Arabiayyah. Oleh: Ahmad Shafiq Mat Razali, Dr. Wan Hilmi*	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

	Wan Abdullah & Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah	2025
2.	*Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Oleh: Muhamad Nasir Mohamad Salleh*	Universiti Melaka (2025)
3.	*Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia* *Oleh: Dr. Khalid Isa & Dr. Muhammad Lukman Ibrahim*	Dewan Bahsa & Pustaka (DBP) (2024)
4.	*Seni Tarannum al-Quran Dan Manhajnya Di Malaysia* *Oleh: Dr Khalid Isa*	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2024)
5.	*Seni Tarannum al-Quran* *Oleh: Dr Mohd zaini zakaria, Prof Adnan Mohamed Yusoff & Norakyaiee Mohd Raus*	Universiti Sain Islam Islam Malaysia (USIM) (2023)
6.	*Sejarah Dan Biografi Tokoh Qari Mesir Serta Pengaruh Tarannumnya Terhadap Bacaan Qari Di Malaysia* *Oleh: Dr Wan Hilmu Wan Abdullah, Dr Sabri Mohamad & Wan Kamal Mujani*	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (2022)
7.	*Fannu Tilawah al-Qura'an* *Oleh: Wan Hilmi Wan Abdullah*	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (2018)
8.	*Seni Lagu al-Quran Di Malaysia* *Oleh: Mohd Ali Abu Bakar*	Darul Fikir (2015)

5.2 Pengaruh Kepada Penulisan Artikel-Artikel

Pengaruh sesebuah karya ilmiah dapat dibuktikan melalui sejauh mana ia dirujuk dan dimanfaatkan dalam penulisan akademik seterusnya. Karya *Qawāʿid al-Tarannum* merupakan antara karya terpenting yang telah memberi pengaruh signifikan terhadap penulisan artikel-artikel ilmiah dalam bidang ilmu tarannum al-Quran. Pengaruh ini dapat dikesan melalui kekerapan karya tersebut menjadi bahan rujukan dalam penulisan akademik.

Menurut Dr. Muhammad Lukman Ibrahim (temu bual, 2 April 2006), karya *Qawāʿid al-Tarannum* jelas menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap penulisan artikel-artikel ilmiah dalam bidang tarannum al-Quran. Bukti utama pengaruh tersebut dapat dilihat apabila artikel-artikel berkaitan secara konsisten menjadikan karya *Qawāʿid al-Tarannum* sebagai rujukan asas dalam perbincangan mereka. Pandangan tersebut turut diperkukuhkan oleh Wan Hilmi Wan Abdullah (temu bual, 4 Februari 2026), menyatakan bahawa penulis-penulis artikel didapati cenderung mengadaptasi konsep, istilah dan kaedah yang dibincangkan dalam karya ini bagi memastikan perbincangan mereka berlandaskan disiplin ilmu yang sahih dan berautoriti.

Selain itu, Ahmad Shafiq Mat Razali (temu bual, 3 Mac 2026), turut menegaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah berperanan sebagai sumber rujukan penting yang mempengaruhi hala tuju penulisan artikel-artikel ilmiah, khususnya dalam aspek metodologi dan pemilihan tema perbincangan. Pengaruh ini dapat dilihat melalui persamaan fokus kajian, penggunaan kerangka konsep yang selari serta rujukan berulang terhadap idea-idea utama yang diketengahkan dalam karya tersebut. Sehubungan itu, terdapat juga artikel-artikel lain yang secara jelas menjadikan karya *Qawāʿid al-Tarannum* sebagai rujukan utama, sekali gus membuktikan kesan dan sumbangan besar karya ini terhadap perkembangan penulisan dan wacana akademik dalam bidang tarannum al-Quran. Menurut Wan Hilmi Wan Abdullah (temu bual, 4 Februari 2026), artikel-artikel yang diterbitkan pada masa kini dalam bidang tarannum hampir menjadi satu kemestian untuk merujuk karya *Qawāʿid al-Tarannum*. Kenyataan ini menunjukkan bahawa karya tersebut telah mencapai tahap autoritatif sehingga dianggap sebagai rujukan dalam perbincangan ilmiah.

Pada pengamatan pengkaji, terdapat beberapa artikel di Malaysia yang telah menjadikan karya *Qawāʿid al-Tarannum* sebagai rujukan utama dalam artikel-artikel mereka samada berindeks atau pun tidak. Ini dapat dibuktikan dengan meneliti kepada rujukan-rujukan yang terdapat dalam artikel tersebut melalui jadual di bawah:

Jadual 7.0

Senarai Penulisan Artikel-Artikel Tarannum

Bil.	**Tajuk/** Penulis	**Terbitan/ Tahun**
1.	Sumbangan Wan Ainuddin Hilmi Abdullah Dalam Bidang Tarannum al-Quran Di Malaysia. Oleh: Anuar Hasin, Norazman bin Alias, Zainora binti Daud, Muhammad Lukman bin Ibrahim	Jurnal QURANIKA UM (2025)
2.	Examining The Acceptance of Tarannum Smart Learning Application Using Diffusion of Innovation Model. Oleh: Mohd Zaini Zakaria, Nur Suhaili Mansor, Hapini Awang, Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi, Azmi and Norazmi Anas.	International Journal of Religion (2024)
3.	Analisis Penelitian Terhadap Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum Ustaz Haji Che Yahaya Bin Daud. Oleh: Ahmad Junaidi Che Ariffin, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Mukhlis Mustaffa1 & Wan Hilmi Wan Abdullah	Malaysian Journal For Islamic Studies (UniZA) (2023)
4.	Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud. Oleh: Mukhlis Mustaffa, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Khairulnazrin Nasir & Ikmal Adnan.	Jurnal RABBANICA (2022)
5.	Kajian Ilmu Tarannum Pada Kitab Penulisan Melayu. Oleh: Mohamad Alwi Ab. Rahman, Amar Danish Ahmad Dasuki, Muhamad Amir Syukri Razali, Fakhrullah Rusli, Akmal Hakimi Suhardi & Muhammad Nur Islam Zunaiddin	The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC) (2022)
6.	Ketokohan Hajjah Rahmas binti Abdullah dalam Tarannum dan Sumbangan Tilawahnya. Oleh: Masfira Hilman, Wan Hilmi Abdullah & Wan Nasyrudin Abdullah	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (2022)
7.	Variasi Metodologi Ilmu Tarannum: Suatu Perbincangan Kritis. Oleh: Muhammad	Journal of Ma'alim al-Quran wa al-

	Lukman Ibrahim, Anuar Hasin, Zainora Daud dan Mohd Azhar Abdullah	Sunnah USIM (2021)
8.	Metodologi Ilmu Tarannum Raghib Mustafa Ghalwaysh: Suatu Tinjauan Awal. Oleh: Muhammad Lukman Ibrahim	Jurnal Usuluddin UM (2020)
9.	Reka Bentuk Model Pengajaran Tarannum al-Quran: Analisis Terhadap Model-Model Pengajaran Yang Terpilih. Oleh: Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin dan Mohd Faisal Mohamed	Journal Of Islamic Educational Research (JIER) (2020)
10.	Metodologi Datuk Nik Jaafar Bin Nik Ismail Dalam Pengajaran Tarannum al-Quran Di Malaysia. Oleh: Mohamad Alwi bin Ab Rahman, Mohd Sholeh bin Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem dan Sumaiyah Ramli	Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) (2020)
11.	Metodologi Dato' Ismail Bin Hashim Dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Malaysia. Oleh: Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem, Sumaiyah Ramli & Yusuf Othman	QALAM International Journal of Islamic And Humanities Research (2020)
12.	Ketokohan Haji Hasan Musa dalam Seni Tarannum di Malaysia dan Kaedah Tilawah al-Quran al-Lahjah al-Arabiyyah. Oleh: Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad, Ahamad Asmadi Sakat & Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (2019)
13.	Ketokohan Dan Sumbangan Ustaz Che Yahaya bin Daud Dalam Bidang Tarannum Al-Quran Di Malaysia. Oleh: Anuar Hasin	Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (USIM) (2018)
14.	Keistimewaan Pengajian Tarannum Sebelum dan Semasa Era Faridah Binti Mat Saman. Oleh: Shafiza Safie, Zulkifli Hj Mohd Yusoff, Khader Ahmad dan Wan Hilmi Wan Abdullah	Jurnal QURANIKA UM (2018)
15.	Penguasaan Tarannum al-Quran: Analisis Terhadap Peserta Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Kementerian Di Daerah Klang Dan Sepang. Oleh: Muhamad Nasir Mohamas Salleh, Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff.	Jurnal QURANICA UM (2017)

16.	Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia Dan Indonesia. Oleh: Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, Muhammad Lukman Ibrahim & Sidek Ariffin	Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies (2015)
17.	Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan. Oleh: Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyruddin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad dan Mohamad Fuad Ishak	Jurnal Pendidikan (UKM) (2014)

5.3 Pengaruh Kepada Qari dan Qari'ah

Selain berperanan sebagai teks rujukan akademik dan pedagogi, karya *Qawāʿid al-Tarannum* turut memberi pengaruh yang signifikan terhadap amalan pembelajaran dan latihan dalam kalangan qari dan qariah. Pengaruh ini dapat dilihat melalui penerimaan luas karya tersebut sebagai rujukan praktikal yang membantu memperkukuh kefahaman terhadap asas, kaedah, dan disiplin ilmu tarannum. Menurut Nurussyahamah Taqiah Nurunnajmi[14] (temu bual, 29 Oktober 2025), karya *Qawāʿid al-Tarannum* sangat berguna sebagai panduan asas dalam memahami struktur tarannum serta membantu qari dan qariah menguasai kaedah bacaan secara lebih tersusun dan berdisiplin. Kandungannya yang sistematik memudahkan proses pembelajaran, khususnya dalam peringkat latihan dan pengukuhan kemahiran tarannum. Pandangan ini turut disokong oleh Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman[15] (temu bual, 4 Februari 2025) yang menyatakan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* berfungsi sebagai rujukan penting dalam memperbetulkan kefahaman serta amalan tarannum dalam bacaan al-Quran. Menurut beliau, rujukan kepada karya ini membantu qari dan qariah mengekalkan ketepatan kaedah tarannum serta mengelakkan kekeliruan dalam penggunaan lagu dan gaya bacaan yang tidak berlandaskan disiplin ilmu yang sahih.

---

14 Beliau merupakan salah seorang qariah Wilayah Persekutuan yang telah meraih johan Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri Wilayah Persekutuan sebanyak dua kali berturut-turut iaitu pada tahun 2024 dan 2025.

15 Beliau merupakan seorang bekas qariah yang pernah meraih gelaran juara Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun 2009 dan kini aktif sebagai pendakwah bebas.

Selain itu, Hjh. Normalina Hj. Alias[16] (temu bual, 7 April 2025) menegaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah menjadi rujukan utama kepada qari dan qariah sepanjang proses pembelajaran dan latihan mereka. Karya ini bukan sahaja dirujuk pada peringkat awal pembelajaran, malah terus digunakan sebagai panduan semasa latihan berterusan, termasuk dalam persediaan menghadapi majlis tilawah dan pertandingan al-Quran. Sokongan terhadap peranan karya ini turut dikemukakan oleh beberapa qari dan qariah yang menjadikannya sebagai teks rujukan utama dalam latihan tarannum mereka.

Selanjutnya, Abdul Khair Jalil[17] (temu bual, 8 April 2026) menyatakan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* memainkan peranan penting dalam membantu qari dan qariah membina kefahaman yang mantap terhadap prinsip tarannum, sekali gus meningkatkan kualiti bacaan al-Quran dari sudut keindahan dan ketepatan. Menurut beliau, kebergantungan berterusan terhadap karya ini mencerminkan kedudukannya sebagai karya berautoriti yang membentuk standard rujukan dalam kalangan pengamal tarannum.

Secara keseluruhannya, pengaruh karya *Qawāʿid al-Tarannum* terhadap qari dan qariah membuktikan bahawa karya ini bukan sekadar teks ilmiah, malah telah menjadi panduan praktikal yang penting dalam pembelajaran dan latihan tarannum al-Quran. Penerimaan dan penggunaan meluas dalam kalangan qari dan qariah mengukuhkan lagi kedudukan karya ini sebagai rujukan utama yang menyumbang kepada pemantapan amalan tarannum dan kesinambungan tradisi bacaan al-Quran di Malaysia.

5.4 Pengaruh Kepada Guru-Guru Tarannum

Selain memberi kesan yang ketara dalam konteks silibus dan penulisan akademik, karya *Qawāʿid al-Tarannum* turut memberi pengaruh signifikan terhadap guru-guru tarannum, khususnya sebagai rujukan utama dalam sesi pengajaran dan

---

16 Beliau merupakan seorang qariah yang telah memenangi johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2017.

17 Beliau merupakan seorang qari terkenal yang pernah meraih gelaran Juara qari Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-61 pada tahun 2019. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Pembangunan Bahasa dan Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gombak.

pembelajaran. Karya ini telah menjadi sandaran penting dalam kalangan pendidik tarannum bagi memastikan pengajaran yang disampaikan berlandaskan kaedah dan prinsip ilmu tarannum yang tersusun serta berautoriti. Guru-guru tarannum didapati merujuk karya ini sebagai panduan asas dalam menyusun silibus pengajaran, menjelaskan konsep, serta membimbing pelajar memahami kaedah tarannum secara sistematik.

Menurut Dato' Ahmad Faizul Ghazali[18] (temu bual, 14 April 2025), karya ini telah menjadi salah satu rujukan utama dalam kalangan guru-guru tarannum kerana kandungannya yang tersusun, sistematik dan mudah diaplikasikan dalam sesi pengajaran. Beliau menjelaskan bahawa pendekatan metodologi yang diketengahkan dalam karya tersebut membantu para guru menyusun pengajaran tarannum yang menarik dan memudahkan proses penyampaian ilmu kepada para pelajar. Selain itu, pengaruh karya ini turut terserlah apabila guru-guru tarannum menjadikannya sebagai panduan dalam memahami istilah-istilah khusus, struktur *maqam* serta kaedah pengaplikasian tarannum secara praktikal. Hal ini menunjukkan bahawa *Qawāʿid al-Tarannum* bukan sahaja berfungsi sebagai bahan rujukan teori, malah berperanan sebagai manual pedagogi yang membentuk pendekatan pengajaran guru-guru tarannum di Malaysia.

Menurut Ustaz Che Yahya Daud[19] (temu bual, 29 Oktober 2025), karya *Qawāʿid al-Tarannum* berperanan sebagai rujukan utama yang membantu guru-guru tarannum mengekalkan keseragaman kaedah pengajaran serta ketepatan penerapan prinsip tarannum dalam bacaan al-Quran. Beliau menegaskan bahawa penggunaan karya ini memudahkan proses pengajaran kerana kandungannya yang tersusun dan bersifat praktikal, sekali gus membantu guru menyampaikan ilmu tarannum dengan lebih berkesan dan berdisiplin. Pandangan ini turut

---

18 Beliau dikenali sebagai salah seorang guru tarannum tersohor yang telah melahirkan ramai qari dan qariah berbakat dan telah Berjaya dipersada antarabangsa. Kini, beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Jemaah Hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa Malaysia.

19 Beliau merupakan seorang pakar dan tokoh yang masyhur dalam seni tarannum al-Quran di Malaysia. Beliau telah membimbing para qari dan qariah di seluruh Malaysia dan telah melahirkan ramai qari dan qariah berbakat yang berjaya mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Hakim Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dalam bidang tarannum.

disokong oleh Muhammad Anuar Ghazali[20] (temu bual, 4 November 2025) yang menyatakan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah menjadi rujukan utama dalam pengajaran tarannum, khususnya dalam menjelaskan istilah, kaedah serta struktur asas tarannum kepada pelajar. Menurut beliau, kebergantungan kepada karya ini membolehkan guru-guru memastikan pengajaran yang disampaikan selari dengan disiplin ilmu yang sahih dan diterima secara meluas dalam bidang tarannum al-Quran.

Selain itu, Ustaz Ahmad Tarmizi Hj. Ali[21] (temu bual, 19 Julai 2025) turut menegaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah memberi sumbangan besar dalam meningkatkan kefahaman guru-guru tarannum terhadap asas dan kaedah pengajaran tarannum yang betul. Beliau berpandangan bahawa karya ini bukan sahaja berfungsi sebagai teks rujukan, malah berperanan sebagai panduan pedagogi yang membantu guru menyampaikan ilmu tarannum secara lebih berstruktur dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pengaruh karya *Qawāʿid al-Tarannum* terhadap guru-guru tarannum membuktikan bahawa karya ini bukan sekadar teks ilmiah, malah telah menjadi rujukan penting dalam pengajaran tarannum.

5.5 Karya Qawāʿid al-Tarannum Sebagai Teks Pengajian

Bagi menilai sejauh mana pengaruh karya *Qawāʿid al-Tarannum* di Malaysia, sumbangannya terhadap dunia akademik dan sistem pendidikan formal wajar diberi perhatian yang serius. Karya ini telah diterima secara meluas sebagai teks rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tarannum al-Quran, khususnya apabila kandungannya dijadikan asas dalam pembentukan silibus dan

---

20 Beliau merupakan seorang qari yang telah meraih johan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2013. Selepas kejayaan tersebut, beliau terus mencurahkan bakti sebagai salah seorang guru tarannum yang aktif, khususnya dalam pengajaran ilmu tarannum melalui kursus, bengkel dan kelas tarannum di seluruh pelusuk tanah air. Di samping itu, beliau juga berkhidmat sebagai seorang guru sekolah.

21 Beliau merupakan Johan Qari Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa bagi tahun 2014, serta berkhidmat sebagai imam di Masjid Al-Hidayah, Kelana Jaya. Di samping itu, beliau aktif dalam mengajar ilmu tarannum di seluruh pelusuk tanah air.

kurikulum. Menurut Amir Rahman Abas[22] (temu bual, 21 Jun 2025), dalam konteks pendidikan menengah, karya ini telah digunakan sebagai rujukan utama dalam silibus (Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ) di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia 2024), terutamanya di sekolah-sekolah menengah agama di seluruh negara. Hampir keseluruhan kandungan berkaitan bidang tarannum dalam silibus tersebut dirujuk secara langsung kepada karya *Qawāʿid al-Tarannum*, sekali gus membuktikan pengaruhnya yang dominan dalam pembentukan asas pengajaran tarannum pada peringkat awal pendidikan formal.

Pengaruh karya ini turut meluas ke peringkat institusi-institusi pengajian tinggi. Menurut Wan Fakhrul Razi[23] (temu bual, 21 Februari 2025), *Qawāʿid al-Tarannum* telah dijadikan salah satu rujukan penting dalam proses pengajaran di Universiti Islam Selangor (UIS). Penggunaan karya ini dalam pengajaran mencerminkan kesesuaian kandungannya sebagai teks akademik yang sistematik serta relevan dengan keperluan pelajar di peringkat universiti. Selain itu, menurut Ustaz Hassan Alfadhli Abdul Rahman[24] (temu bual, 4 Julai 2025), Darul Quran JAKIM turut menjadikan karya ini sebagai rujukan utama dan memuatkannya secara rasmi dalam silibus pembelajaran tarannum, sekali gus menandakan penerimaannya dalam institusi latihan al-Quran yang berautoriti di Malaysia.

---

22 Beliau merupakan seorang qari yang telah merangkul gelaran johan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2011. Kini, beliau dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai salah seorang hakim Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan. Di samping itu, beliau juga merupakan tenaga pengajar bagi Kelas Kemahiran Al-Quran (KKA) dan telah berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan sejak tahun 2007 hingga kini.

23 Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor dan berkhidmat sebagai Koordinator Isu Semasa dan Promosi di Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD). Selain itu, beliau juga merupakan johan qari Majlis Tilawah al-Quran dan Hafazan Peringkat Kebangsaan Malaysia bagi tahun 2017.

24 Beliau merupakan seorang pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kini berkhidmat sebagai Imam Kanan di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Beliau juga adalah salah seorang tenaga pengajar bagi mata pelajaran tarannum di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Selanjutnya, Dr. Muhammad Lukman Ibrahim[25] (temu bual, 4 Desember 2026) menjelaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* telah dimasukkan ke dalam silibus pengajian dan dijadikan rujukan utama dalam pembelajaran tarannum di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penerimaan yang merentas pelbagai peringkat pendidikan bermula daripada sekolah menengah, institusi latihan profesional sehinggalah ke universiti membuktikan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* bukan sekadar berperanan sebagai bahan rujukan sokongan, malah telah berfungsi sebagai teks teras dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Keadaan ini sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah karya berpengaruh yang membentuk standard pedagogi serta wacana akademik dalam bidang tarannum al-Quran.

6. KESAN DARI PENGARUH KARYA *QAWĀʿID AL-TARANNUM*

Perbincangan dalam bahagian ini menumpukan kepada kesan positif terhadap pengarang hasil daripada penerimaan dan pengaruh karya *Qawāʿid al-Tarannum* dalam konteks perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji merumuskan bahawa karya tersebut telah memberikan beberapa kesan utama terhadap diri pengarang, khususnya melalui penerimaan yang meluas serta pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Antara bentuk pengiktirafan tersebut melibatkan institusi-institusi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), institusi swasta, institusi pengajian tinggi, para qari dan qariah dan masyarakat Islam secara umum di Malaysia.

6.1 Dilantik Sebagai Hakim Tilawah al-Quran

Beliau bermula berkecimpung dalam bidang penghakiman ini pada tahun 1965 iaitu peringkat daerah dan peringkat negeri pada tahun 1960. Kemudian peringkat kebangsaan bermula tahun 1983 hingga kini dan peringkat antarabangsa pada tahun 1989 sehingga kini. Nik Jaafar mula dilantik sebagai hakim Tilawah al-Quran sejak tahun 1983, merangkumi pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008).

---

[25] Beliau merupakan salah seorang pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan terlibat dalam pengajaran subjek tarannum.

6.2 *Dilantik Sebagai Pakar Rujuk*

Selain menjadi hakim, beliau menjadi pakar rujuk kepada ramai qari dan qariah profesional dari dalam dan luar negara. Para peserta tilawah kerap merujuk beliau untuk panduan tarannum, makhraj dan gaya persembahan dalam Majlis Tilawah al-Quran (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008).

6.3 Sebagai Penggubal Undang-Undang Penghakiman Tilawah al-Quran

Nik Jaafar adalah antara individu penting dalam penyediaan kurikulum tarannum dan kaedah pendidikan al-Quran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, termasuk penyusunan modul rasmi untuk sekolah dan institusi latihan (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008). Peranan ini secara tidak langsung menjadikannya sebahagian daripada pihak yang menggubal asas penghakiman dan standard bacaan al-Quran dalam sistem pendidikan. Beliau juga telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi penggubal kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) untuk sekolah menengah agama (SMKA). Maka hasilnya telah terbit karya panduan Kemahiran al-Quran tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima yang diterbitkan oleh bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

6.4 Pembimbing Qari Dan Qariah

Sebagai seorang pendidik yang berwibawa dalam bidang tarannum al-Quran, Nik Jaafar telah memainkan peranan penting dalam membimbing dan melahirkan ramai qari dan qariah yang berjaya mencapai kecemerlangan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau turut mengasaskan Majlis Rawdhah al-Tilawah al-Quran di Kelantan sebagai pusat latihan intensif bagi memperkukuh penguasaan dan kemahiran bacaan al-Quran. Pendekatan pengajaran beliau memberikan penekanan terhadap pelbagai aspek, termasuk kaedah tilawah, penguasaan ilmu tajwid, penghayatan makna ayat-ayat al-Quran serta kemahiran seni persembahan tilawah (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008).

6.5 Bertambah Anak Murid yang Ramai

Beliau mempunyai ramai anak murid rentetan daripada kekerapan beliau memberikan kursus-kursus di merata tempat dan sebilangan besarnya merupakan johan pertandingan tilawah al-Quran di semua peringkat. Dalam pada itu, Nik Jaafar mempunyai keunikan tersendiri dalam mengajarkan seni lagu kontemporari yang selari dengan peredaran zaman dan hal ini mendorong ramai peminat seni lagu al-Quran ber*talaqqi* dengan beliau (Nik Jaafar, temu bual 10 November 2018). Ramai di kalangan anak-anak murid beliau yang telah berjaya menjadi johan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabnagsa. Bukan sahaja di pelosok tanah air malah di luar negara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan sebagainya. Antara murid beliau yang masyhur ialah, Hj. Mokhtar bin Hj. Ahmad[26], Hj. Nordin bin Idris[27], Hj. Muhammad bin Hj. Yusof[28], Hj. Abdul Rahim bin Hj. Ahmad[29], Hj. Yahaya bin Daud[30], Hj. Mohammad Husin

---

26 Beliau merupakan seorang qari yang mendapat johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1963, 1970, 1973 dan 1974 dan johan Kebangsaan pada tahun 1970 dan 1973. Kemudian mendapat johan Antarabangsa pada tahun 1967.

27 Beliau dilahirkan di Pondok Kubang Bemban Pasir Mas Kelantan pada 11 November 1951. Beliau mendapat johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1984 dan johan Kebangsaan pada tahun 1984 dan 1985. Kemudian johan Antarabangsa pada tahun 1995. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

28 Johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1986-1991 dan johan Kebangsaan pada tahun 1989 dan 1991. Kemudian johan Antarabangsa pada tahun 1991. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.

29 Beliau dilahirkan pada 14 November 1931 di kampung Tempoyak Bekelam Bachok Kelantan. Mendapat johan dalam Majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1976 dan tempat ketiga peringkat antarabangsa. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

30 Beliau dilahirkan pada 24 Februari 1957 di Kampung Tok Burung Bachok Kelantan. Beliau telah mendapat johan Tilawah al-Quran peringkat negeri pada tahun 1983 dan 1994. Kemudian medapat johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1985. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

bin Yunus[31], Hjh. Faridah binti Mat Saman[32], Hjh. Sapinah binti Mamat[33], Munirah binti Kasim[34] dan lain-lain (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008).

6.6 Anugerah Dan Darjah Kebesaran

Pengiktirafan besar diberikan kepada Nik Jaafar apabila beliau menerima Anugerah Perdana, Maulidur Rasul 2018, sebagai menghargai sumbangan beliau dalam memartabatkan bacaan al-Quran dan pendidikan agama (Malaysia Gazette, 20 November 2018). Anugerah ini merupakan salah satu penghargaan tertinggi peringkat kebangsaan dalam bidang keagamaan.

Nik Jaafar termasuk dalam kelompok sepuluh individu yang dikurniakan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) iaitu Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka). Penganugerahan DPSK membawa gelaran "Datuk" (Borneo Post, 2013), menjadikan beliau secara rasmi termasuk dalam kalangan penerima darjah kebesaran negeri Kelantan. Darjah DPSK yang diterima oleh Nik Jaafar meletakkan beliau setaraf dengan tokoh-tokoh profesional lain yang menerima pengiktirafan sama pada tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa sumbangan beliau dalam bidang pengajian al-Quran

---

31 Beliau dilahirkan pada 27 Disember 1963 di Kampung Gertak 3, Gual Periuk Pasir Mas Kelantan. Beliau telah mendapat johan Tilawah al-Quran peringkat negeri dan kebangsan pada tahun 1996 dan 1997. Kemudian mendat johan peringkat antarabangsa pada tahun 1997. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

32 Beliau dilahirkan pada 29 Oktober 1948 di Kampung Lubuk Kawah Temerloh Pahang. Beliau mendapat johan peringkat antarabangsa pada tahun 1960. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

33 Dilahirkan di Kampung Teluk Jering Tumpat Kelantan pada 28 Disember pada tahun 1951. Beliau mendapat johan peringkat Kebangsaan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1980, 1981 dan 1987. Dan peringkat antarabangsa sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1981 dan 1987. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

34 Johan Tilawah peringkat Negeri dan Kebangsaan pada tahun 1990. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51.*

bukan sahaja diiktiraf dalam komuniti agama, tetapi turut dihargai sebagai jasa kepada negeri dan negara (Ahmad Nuruddin Mat Yunoh, 2008).

7. KESIMPULAN

Secara tuntasnya, artikel ini menegaskan bahawa karya *Qawāʿid al-Tarannum* hasil penulisan Nik Jaafar bin Nik Ismail merupakan satu sumbangan ilmiah yang amat bermakna dalam bidang pengajian tarannum al-Quran di Malaysia. Metodologi penulisan yang diketengahkan bukan sahaja bersifat sistematik dan berstruktur, malah bersesuaian dengan keperluan pendidikan kontemporari. Hal ini menjadikan karya tersebut berfungsi bukan sekadar sebagai teks rujukan teori, tetapi juga sebagai panduan praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum. Metodologi penulisan *Qawāʿid al-Tarannum* mempunyai daya tarikannya yang tersendiri dan memudahkan kefahaman dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya para pendidik, qari-qariah dan masyarakat awam. Pendekatan ini mencerminkan kepekaan penulis terhadap konteks sosio-budaya pembaca serta usaha untuk memastikan kesinambungan ilmu tarannum dapat diwarisi sepanjang zaman. Selain itu, pengaruh karya ini dapat dilihat secara jelas dalam pelbagai aspek, termasuk dalam pengajaran guru-guru tarannum, penghasilan karya dan penulisan akademik. Kesimpulannya, metodologi penulisan *Qawāʿid al-Tarannum* bukan sahaja berjaya mendokumentasikan ilmu tarannum dalam bentuk teks yang tersusun, malah berperanan sebagai pedagogi moden.

RUJUKAN

Abdul Rahman. (2019). Metodologi Pengajaran Tarannum dalam Kalangan Qari Tempatan: Kajian Kes Terhadap Nik Jaafar Nik Ismail *(Kertas kerja Seminar Pendidikan Islam)*, Universiti Malaya (UM).

Ahmad Junaidi Che Ariffin, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Mukhlis Mustaffa & Wan Hilmi Wan Abdullah. (2023). Analisis Penelitian Terhadap Metode Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum Ustaz Haji Che Yahaya Daud, *Malaysian Journal for Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, 7(1),* 41-50. https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/issue/view/15

Ahmad Nuruddin Mat Yunoh. (2018). *Seni Lagu al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Ustaz Nik Jaafar bin Nik Ismail,* Tesis Sarjana (MA), Jabatan

al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2025). *Ekspresi Bertarannum dengan Gaya Kearaban dan Lahjah Arabiyyah,* Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor.

Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyruddin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad dan Mohamad Fuad Ishak. (2014). Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum di Malaysia: Satu Tinjauan, *Jurnal Pendidikan (UKM), 1(2),* 5-13. https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=37cBqUAAAAAJ&citation_for_view=37cBqUAAAAAJ:2osOgNQ5qMEC

Anuar Hasin, Norazman Alias, Zainora Daud & Muhammad Lukman Ibrahim. (2025). Sumbangan Wan Ainuddin Hilmi Abdullah dalam Bidang Tarannum al-Quran di Malaysia, *QURANICA, International Journal of Quranic Research, 17 (1),* 101-116. https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/62574

Anuar Hasin . (2018). Ketokohan dan Sumbangan Ustaz Che Yahaya Daud dalam Bidang Tarannum al-Quran di Malaysia, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (USIM), 13(1),* 252-264. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.175

Dr. Khalid Isa. (2024). *Seni Tarannum al-Quran dan Manhaj di Malaysia,* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dr. Khalid Isa & Dr Lukman Ibrahim. (2024). *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya dalam Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia,* Dewan Bahasa Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Faisal Ahmad Shah. (2013). *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Baḥr al-Mādhī,* Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Hj. Nik Jaafar Nik Ismail. (2025), *Buku Qawāʿid al-Tarannum,* Darul Fikir, Kuala Lumpur.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. (n.d). *Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan kali ke-51*.

Jabatan Pendidikan Islam dan Modul Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). Buku Panduan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ), *Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),* Kuala Lumpur.

Masfira Hilman, Wan Hilmi Abdullah & Wan Nasyrudin Abdullah. (2022). Ketokohan Hajjah Rahmas Abdullah dalam Tarannum dan Sumbangan

Tilawahnya, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 5(4),* 157-165. https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/343

Mohd Ali Abu Bakar. (2015). *Seni Lagu al-Quran di Malaysia,* Darul Fikir, Kuala Lumpur.

Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem & Sumaiyah Ramli. (2021). Metodologi Dato' Ismail Hashim dalam Pengajaran Tarannum al-Quran di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Reaserch, 1(1),* 101-106. https://www.researchgate.net/publication/349624534

Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem & Sumaiyah Ramli. (2020). Metodologi Dato' Nik Jaafar Nik Ismail dalam Pengajaran Tarannum al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 5(34),* 83–94. https://www.researchgate.net/publication/349732140

Mohamad Alwi Ab. Rahman, Amar Danish Ahmad Dasuki, Muhamad Amir Syukri Ramli, Fakhrullah Rusli, Akmal Hakimi & Muhammad Nur Islam Zunaiddin. (2022). Kajian Ilmu Tarannum pada Kitab Penulisan Melayu. *The International Journal of Islamic and Culture (IJISC), 1(Special Issue),* 23-32.

Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin & Mohd Faisal Mohamed. (2020). Reka Bentuk Model Pengajaran Tarannum al-Quran: Analisis Terhadap Model-Model Pengajaran yang Terpilih, *Journal of Islamic Educational Research (JIER), 5(1),* 11-20. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/26144

Mohd Pilus, F. A., & Sukaimi, A. (2018, November 20). Nik Jaafar Terima Anugerah Perdana Maulidur Rasul. *Berita Harian Online.* https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/500068/nik-jaafar-terima- anugerah-perdana-maulidur-rasul

Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff & Norakyairee Mohd Raus. (2023). *Seni Tarannum al-Quran,* Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Mohd Zaini Zakaria, Nur Suhaili Mansor, Hapini Awang, Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi, Azmi and Norazmi Anas. (2024). Examining The Acceptance of Tarannum Smart Learning Application Using Diffusion of Innovation Model, *International Journal of Religion, 5(4),* 131–142. https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/1591867d-037c-40b5-bb31-855aef7295b6

Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, Muhammad Lukman Ibrahim & Sedek Ariffin. (2015). Penulisan Karya Seni Lagu al-Quran di Malaysia dan Indonesia, *al-Qanatir International Journal of Islamic Studies, 1(1),* 18-23. https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/ac1272c3-70c1-44b0-9b6f-af1a9aba169f/content

Muhammad Lukman Ibrahim. (2020). Metodologi Ilmu Tarannum Raghīb Muṣṭafā Ghalwash: Suatu Tinjauan Awal. *Jurnal Usuluddin 48(1), eJournal UM,* 99-112. https://ijie.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/24661

Muhammad Lukman Ibrahim, Anuar Hasin, Zainora Daud & Mohd Azhar Abdullah. (2021). Variasi Metodologi Ilmu Tarannum: Suatu Perbincangan Kritis, *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah USIM,* 17(1), 84-96. https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/330

Muhammad Nasir Mohamad Salleh, Muhammad Syazwan Shamsul Rizal & Abd. Aziz Rekan. (2025). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*, Universiti Malaysia Melaka.

Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff. (2017). Penguasaan Tarannum al-Quran: Analisis Terhadap Peserta Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Kementerian di Daerah Klang dan Sepang, *QURANICA, International Journal of Quranic Universiti Malaya, (9)1,* 67-92. https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5112/2928

Mukhlis Mustaffa, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Khairulnazrin Nasir & Ikmal Adnan. (2022). Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud, *RABBANICA Journal of Revealed Knowladge* 3(1), 43-57. https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/215

Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff & Norasikin Fabil. (2022). Analisis Unsur-Unsur dan Sifat-Sifat Indeks Maqām Tarannum Menurut Karya Qawāʿid al-Tarannum dan Seni Lagu al-Quran Di Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah (USIM), 18(2),* 12–23. https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/345/249

Pranon Mustafa & Anuar Hasin. (2024). The Metodology of Sheikh Nu'ina' in Quranic Recitation: An Analytical Study of Passage from Surah Ash-Shu'arā', *QURANICA, International Journal of Quranic Research, Vol. 17 (1) June 2025,* 101-116.

https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/55888/17534

Sabri Mohamad, Hamdi Ishak, Mohd Faizulamri, Mohd Saad & Muhammad Izzat. (2022). Keistimewaan Kitab al-Hadi: Karya Syarahan Qira'āt Sepuluh. *Jurnal al-Quran dan Kontemporari (KUIS),* Vol 5, Bil. 2. https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qir aat/article/view/41/31

Shafiza Safie, Zulkifli Hj Mohd Yusoff, Khader Ahmad & Wan Hilmi Wan Abdullah. (2018). Keistimewaan Pengajian Tarannum Sebelum dan Semasa Era Faridah binti Mat Saman, *QURANICA, International Journal of Quranic Universiti Malaya, 10(2),* 109-124. https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/15465/9244

Wan Hilmi Wan Abdullah. (2010). *Fannu Tilāwah al-Qur'ān,* Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor.

Wan Hilmi Wan Abdullah, Sabri Mohamed & Wan Kamal Mujani. (2022). *Sejarah dan Biografi Tokoh Qari Mesir Serta Pengaruh Tarannumnya Terhadap Bacaan Qari di Malaysia,* Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor.

Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad, Ahamad Asmadi Sakat & Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad. (2019). Ketokohan Haji Hasan Musa dalam Seni Tarannum di Malaysia dan Kaedah Tilawah al-Quran al-Lahjah al-'Arabiyyah, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 2(3),* 93-102. https://www.studocu.com/my/document/kolej-universiti-islam-antarabangsa-selangor/ijazah-sarjana-muda-pendidikan-islam-dengan-multimedia/haji-hasan-musa/49016757